

FORMAT MEMBACA DOA DI MAJLIS RASMI KERAJAAN

1.1 Mukadimah Doa Dan Penutup

- i. Doa hendaklah dimulakan dengan lafaz *istiazah* dan *basmalah* diikuti puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Contohnya :

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

- ii. Penutupan doa digalakkan dengan permohonan kebaikan di dunia dan akhirat serta selawat seperti contoh berikut :

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

1.2 Isi Kandungan Doa

- i. Teks doa hendaklah mengandungi permohonan doa secara khusus sesuai dengan majlis berkenaan diikuti dengan permohonan untuk keselamatan dan kesejahteraan umum.
- ii. Setiap perenggan doa sebaik-baiknya disebut nama-nama Allah (*Asma al Husna*) dan sifat-sifat Allah sesuai dengan perkara yang dipohon seperti *Ya Rahman Ya Rahim*.
- iii. Sekiranya majlis yang dianjurkan dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sama ada sebagai perasmian majlis atau jemputan khas, pembaca doa hendaklah menyebut secara khusus doa kesejahteraan yang ditujukan kepada Seri Paduka Baginda sendiri sebagai satu penghormatan kepada pemimpin agama Islam paling tinggi dalam negara.
- iv. Isi kandungan doa juga boleh dibaca dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain, sesuai dengan hadirin dan majlis tersebut.

1.3 Masa Pembacaan Doa

Pembacaan doa bagi majlis rasmi hendaklah dilakukan pada permulaan majlis dan tidak melebihi 3 minit.